

# Jika pertikai pindaan Kerajaan

Oleh Sariha Mohd Ali

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan mungkin mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang mempertikaikan kesahihan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 yang diperkenalkan oleh Yang di-Pertuan Agong, Isnin lalu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, jika pihak yang mempertikaikan pindaan perlembagaan yang sudah diluluskan itu menyalahi undang-undang, kerajaan akan memutuskan tindakan yang wajar dikenakan terhadapnya.

"Jika ada sesiapa yang mempertikaikan pindaan perlembagaan yang sudah diperkenalkan itu, dan tindakan itu pula menyalahi undang-undang, dia sendiri akan tahu sama ada kita akan mengambil tindakan terhadapnya atau tidak," katanya kepada pemberita di rumah terbuka sempena Aidilfitri di Sri Perdana di sini hari ini.

Turut hadir di kediaman Perdana Menteri itu ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S Somy Vellu; Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik; Menteri Kesihatan, Datuk Lee Kim Sai dan Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman.

Dr Mahathir berkata, beliau gembira kerana isu pindaan perlembagaan yang hangat dibincangkan dahulu berjaya diselesaikan dalam keadaan yang aman.

Katanya, rang undang-undang itu akan diwartakan secepat mungkin untuk dijadikan akta.

"Saya gembira dan bersyukur kerana perkara ini selesai dengan selamat dan tanpa gangguan. Ia diselesaikan dengan cara

yang baik," katanya.

Semalam, Menteri Undang-Undang Datuk Syed Hamid Albar berkata tidak ada pihak, termasuk raja, yang boleh mempertikaikan kesahihan rang undang-undang itu kerana pindaan itu dibuat mengikut prosedur.

Mengenai Semangat 46 (S46) yang masih tidak menerima pindaan perlembagaan itu walaupun sudah diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri berkata:

"S46 adalah golongan minoriti dan mereka ada beberapa orang ahli sahaja. Mengenai sama ada tindakan mereka itu tidak menghormati undang-undang atau tidak, saya enggan memberi ulasan," katanya.

Beliau berkata, tentangan Sultan Kelantan sebelum ini juga tidak memberi sebarang kesan ke atas pindaan perlembagaan yang sudah diperkenalkan itu.

Menjawab pertanyaan lain, Dr Mahathir berkata, pihak yang bertanggungjawab sedang membuat persediaan untuk mengemukakan prosedur mengenai Mahkamah Khas.

Mengenai sembilan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Usno yang dihalang oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) daripada memasuki Umno, Perdana Menteri berkata, setakat ini tidak ada sesiapa memaklumkan hal itu kepadanya.

"Saya tidak boleh memberi ulasan kerana tidak mendapat maklumat mengenainya," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata sambutan Aidilfitri tahun ini, lebih meriah berbanding tahun sebelumnya.

Katanya, 65 peratus tetamu yang hadir beraya di Sri Perdana adalah kaum bukan Melayu.

perlembagaan

bertindak